

# PENDEKATAN PELABURAN KAMI

**Kami berusaha menunaikan mandat melalui pelaburan dengan mengembangkan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) sambil menghasilkan nilai ekonomi dan masyarakat yang mampan untuk rakyat Malaysia.**

Untuk mencapai tujuan ini, kami menjana pulangan kewangan yang mampan melalui program pelaburan kami, sambil memanfaatkan peluang pengewangan yang muncul. Kami juga menyokong pelaburan bidang pertumbuhan baharu dalam sektor pemangkin dan memainkan peranan memacu daya saing negara. Pelaburan kami terdiri daripada ekuiti awam dan swasta global hinggalah syarikat pemula tempatan.

Portfolio Pelaburan kami terdiri daripada pelaburan jangkaan pulangan komersial, yang berpandukan kepada Peruntukan Aset Strategik (SAA) bagi mengurangkan tumpuan risiko peruntukan dan melindungi portfolio daripada kejutan pasaran jangka pendek. Dalam membina portfolio yang berdaya tahan, kami menyedari tentang landskap makroekonomi yang dinamik dan pertembungan arah aliran mega global yang menyebabkan persekitaran pelaburan menjadi semakin tidak menentu. Namun begitu, sebagai dana pelbagai generasi, kami kekal berdisiplin dalam menyalurkan modal kami bagi tujuan mengembangkan portfolio kami dalam tempoh jangka panjang.

Kami juga mengambil bahagian sebagai pemegang saham aktif dalam pasaran modal Malaysia, yang memainkan peranannya di peringkat Lembaga Pengarah untuk menangani isu dan bidang keutamaan yang berpotensi untuk memacu pembezaan syarikat portfolio kami mengikut segmen masing-masing.

Kami bukan sekadar menyasarkan pulangan kewangan, tetapi turut komited mengekalkan amalan pelaburan bertanggungjawab meliputi seluruh portfolio melalui pendekatan yang sejajar dengan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPRI) dan Kod Pelabur Institusi Malaysia (MCII). Kemampanan adalah penggerak utama dan penentu pelaburan kami, dan dokumen Jangkaan Pemegang Saham dan Kepengurusan Pelaburan yang dilancarkan baru-baru ini menggariskan jangkaan yang jelas tentang ESG di syarikat pelaburan kami.

Sejak tahun 2022 dan seterusnya, kami menumpukan pelaburan kami berdasarkan struktur pelaburan berikut:

## Portfolio Pelaburan

Portfolio pelaburan berbilang generasi merentasi pelbagai kelas aset dan geografi, dengan matlamat menjana pulangan terlaras risiko jangka panjang yang konsisten.

## Portfolio Dana Impak

Dana Impak melabur dengan tujuan meningkatkan daya saing ekonomi Malaysia, membina daya tahan negara sambil menghasilkan impak sosioekonomi kepada rakyat Malaysia.

## Aset Pembangunan

Portfolio Aset Pembangunan terdiri daripada pelaburan berpotensi memberikan impak tinggi kepada ekonomi, tetapi mengambil masa lebih panjang untuk merealisasikan sasaran pulangan kewangan dan manfaat serta hasil kepada masyarakat dan negara.

## Aset Situasi Khusus

Aset yang memerlukan pemulihan keuntungan dan aliran tunai operasi yang mampan dengan sasaran dan pelan tindakan tertentu yang diluluskan Lembaga Pengarah secara tahunan.

Dengan mengadakan peruntukan pelaburan yang strategik dalam empat bidang ini, matlamat kami dapat diimbangi lebih berkesan bagi mencapai pulangan yang tinggi dan konsisten sambil memberikan nilai sosioekonomi jangka panjang untuk rakyat Malaysia.